

RM150 juta rapat jurang digital

Inisiatif Cerdik sedia komputer, tablet untuk keluarga kurang mampu menjelang Februari depan

Kuala Lumpur

Inisiatif Cerdik yang menyediakan akses digital meliputi komputer riba, tablet dan sambungan data untuk pelajar dari keluarga berpendapatan rendah dilaksanakan bermula Februari ini.

Inisiatif itu membabitkan sumbangan RM150 juta daripada 13 syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan ke-

rajaan (GLC) mewakili syarikat di bawah Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), dan Petronas.

Yayasan Khazanah dalam kenyataan berkata, langkah ini dilaksanakan bagi membantu pelajar mengadaptasi dengan norma baharu sesi persekolahan dalam talian, e-pembelajaran dan pengajaran di luar bilik darjah.

Pemilihan pelajar dan sekolah ditentukan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang juga meneliti spesifikasi perkakasan dan perisian demi memastikan pelaksanaan lebih mampan termasuk sokongan jaminan, kebolegunaan, dan jangka hayat lebih lama untuk pembelajaran digital masa depan.

Dalam pembentangan Belanjawan 2021 lalu, Menteri Kewangan, Tengku Datuk

Seri Zafrul Abdul Aziz mengumumkan sumbangan RM150 juta ke dalam Tabung Cerdik oleh GLC dan GLIC.

Katanya, projek itu diselenggarakan oleh Yayasan Hasanah adalah bagi tujuan pemberian komputer riba kepada 150,000 murid di 500 sekolah sebagai projek rintis.

Pengarah Urusan Yayasan Hasanah, Shahira Ahmed Bazari berkata, pihaknya komited menyokong model

pembelajaran inovatif dan berskala yang menggalakan kesaksamaan dan peluang sama rata untuk membolehkan akses kepada pembelajaran berkualiti bagi semua.

"Yayasan Hasanah bekerjasama rapat dengan KPM dalam merancang inisiatif Cerdik untuk memastikan pelaksanaan secara mampan dan kami berusaha ke arah mempercepat pengagihan (mulai Februari dan

seterusnya)," katanya.

Sementara itu, Ketua Setiausaha KPM, Datuk Yusran Shah Mohd Yusof berkata, kementerian mahu merapatkan jurang pembelajaran di antara yang mampu memiliki peranti digital dengan golongan kurang bernasib baik.

"Kami harap inisiatif ini merintis model pembelajaran digital untuk penggunaan pada masa depan," katanya.